

# PM arah hapus segera PKPM

Oleh Kadir Dikoh

BH 31/7/03

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam mengarahkan supaya gerakan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM) dibanteras sehingga ke akar umbi kerana kegiatannya boleh mengancam keselamatan dan sistem perundangan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rais Yatim, berkata Perdana Menteri yang membuat arahan itu pada mesyuarat Kabinet juga mahukan tindakan pantas dibuat supaya kegiatan negatif itu, tidak terus memperdayakan orang ramai.

Sehubungan itu katanya, Kabinet semalam turut membersihkan nama Jabatan Perdana Menteri (JPM) daripada sebarang kaitan dengan kewujudan PKPM termasuk mengaitkan nama Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Pada mesyuarat itu, saya menjelaskan JPM tidak terbabit dalam apa juga urusan pendaftaran PKPM seperti didakwa. Sebarang dakwaan kononnya ada pegawai

tinggi JPM yang bersimpati meluluskan sebarang permohonan badan ini mengikut Akta Perbadanan Amanah Rakyat 1995 adalah tidak benar.

"Itulah keputusan Kabinet dan kerajaan memutuskan supaya tindakan susulan terhadap PKPM diteruskan," katanya.

Orang ramai dikejutkan dengan kegiatan kumpulan itu apabila polis menahan 21 orang, termasuk ketua yang kononnya berpangkat 'Leftenan Jeneral' seperti tentera, dalam serbuan di Jalan Pantai Dalam di sini, Khamis lalu.

Polis menahan ketua PKPM, Nor Azami Ahmad Ghazali yang dikatakan menggunakan nama kerabat diraja dan menteri untuk meyakinkan ahli dan meraih peluang perniagaan, serta merampas dua pucuk pistol, berpuluh-puluh parang, gari, beratus pakaian seragam menyerupai polis dan cakera padat video (VCD) lucuh.

Sejak itu, polis melancarkan gerakan khas Ops Impian bagi memburu pemimpin dan anggota PKPM di seluruh negara kerana badan berkenaan dikatakan sebagai organisasi terancang dan ber-

bahaya kerana mampu mempengaruhi tenaga profesional bagi mengendalikan kegiatan pertubuhan terbabit.

Rais berkata, pegawai kerajaan yang membabitkan diri dengan PKPM akan diambil tindakan tegas seperti dinyatakan Abdullah kelmarin.

"Bagaimanapun, Kabinet memberi pandangan bahawa rakyat jangan begitu mudah terpedaya dengan dakwah pihak yang kononnya membuat pelbagai perakuan, termasuk menggunakan logo atau simbol yang berkaitan Kerajaan Persekutuan untuk menarik minat, sokongan dan perhatian orang ramai.

"Kementerian saya pula memang tidak memberi kelulusan kepada mana-mana badan yang memohon pendaftaran atas nama PKPM itu.

"Yang peliknya, nama Perdana Menteri, Pak Lah turut dikaitkan. Malah nama saya kononnya 'Rais Yatim' memberi kelulusan pendaftaran PKPM adalah tidak benar. Cerita rekaan ini amat menggelirukan masyarakat," katanya.